

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (83)

Tarikh : 6 Disember 2021

## SIARAN MEDIA

---

### JENDELA@PPR TINGKATKAN AKSES JARINGAN INTERNET BAGI PENDUDUK PPR

---

**SENAWANG, 6 Disember 2021** – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah menyempurnakan **Majlis Pelancaran Program JENDELA@PPR di Program Perumahan Rakyat (PPR) Senawang** dan seterusnya menyerahkan sumbangan tablet kepada 20 orang pelajar sekolah sempena tinjauan mesra Keluarga Malaysia di perumahan tersebut.

JENDELA@PPR merupakan usaha yang mendukung program Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menyediakan kemudahan komunikasi digital kepada rakyat melalui akses internet secara menyeluruh.

Inisiatif **JENDELA@PPR** oleh KPKT memfokuskan **perluasan akses dan *connectivity internet*** dalam kalangan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR). **Buat permulaan**, pelaksanaan JENDELA@PPR ini akan melibatkan pemasangan ***wireless hotspots*** di kawasan **gunasama (*common area*)** di **36 PPR** yang telah dikenal pasti yang akan memanfaatkan lebih 150,000 penghuni.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menyatakan bahawa sebagai permulaan di bawah inisiatif ini, diharapkan kumpulan B40 yang mendiami PPR akan menerima manfaat daripada pemasangan "wifi hotspot" di kawasan gunasama (*common area*). Pandemik yang berlaku ini telah membuktikan bahawa jaringan internet adalah amat penting terutamanya untuk anak-anak belajar dan masyarakat umumnya bekerja dan mencari rezeki.

Beliau turut menyatakan bahawa KPKT sedang berusaha supaya kesemua 154 PPR yang telah siap dapat disediakan dengan kemudahan infrastruktur ***fiber optic***

sambungan terus ke rumah. Pada masa ini, **sebanyak 80 PPR telah dilengkapi infrastruktur *fiber optic***, manakala **53 PPR lagi sedang *di-upgrade* kepada *fiber optic***. **Baki 21 PPR lagi dalam perancangan** untuk dinaik taraf.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Haji Mohd Nazri Md. Shariff berkata, “PR1MA Communications Sdn Bhd (PR1MA Comm) yang merupakan anak syarikat PR1MA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini. PR1MA Comm yang pada dasarnya diwujudkan untuk menjadi Pembekal Perkhidmatan Jalur Lebar kepada semua projek pembangunan PR1MA, memainkan peranan yang signifikan dalam menggerakkan inisiatif JENDELA@PPR ini.

“Kami berharap dengan adanya “wifi hotspot” di kawasan gunasama di PPR nanti, penduduk akan dapat menerima manfaat sewajarnya sekaligus meringankan beban mereka untuk mendapat sambungan internet untuk kegunaan seharian,” katanya.

KPKT komited memastikan penyediaan jaringan internet yang baik bagi meningkatkan kesalinghubungan dan juga komunikasi digital dalam kalangan penduduk PPR. Ini akan membantu memberi nilai tambah dalam konteks “***Liveable Malaysia***” atau **Malaysia Berdaya Huni** khusus buat Keluarga Malaysia.

Turut hadir di majlis ini ialah Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT dan Tuan Haji Ismail bin Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanise Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

